

**PENELITIAN TERHADAP BUDAYA MERANTAU ORANG MELAYU
DALAM PERSURATAN SEJARAH**
*A REVIEW ON THE CULTURE OF MERANTAU IN THE MALAY SOCIETY IN THE
HISTORICAL LITERATURE*

SYED AHMAD FATHI

*Bahagian Sejarah,
Pusat Pendidikan Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia, 11800,
USM, Pulau Pinang, Malaysia*

Penulis penghubung: fathi137@gmail.com

*Dihantar/Received: 7 Julai 2024 | Penambahbaikan/Revised: 20 August 2024
Diterima/Accepted: 30 November 2024 Terbit/ Published: 20 Disember 2024
DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v35i2.5762>*

Abstrak Terdapat pelbagai tulisan yang telah muncul dalam sejarah persuratan orang Melayu yang membolehkan kita membuat satu pentafsiran kepada sifat orang Melayu itu. Namun, permasalahan pada kebanyakan kajian dan penelitian adalah fokusnya yang hanya memaparkan aspek politik dan ekonomi dalam kalangan orang Melayu. Aspek budaya dan sifat orang Melayu jarang diberikan penekanan khusus. Oleh itu, penulisan ini akan cuba mengetengahkan aspek budaya dalam kalangan orang Melayu terutama pada budaya merantau. Penelitian ini akan menggunakan metodologi kajian sumber lisan sebagai kaedah kajian. Selain itu, menggunakan kaedah kajian kepustakaan, dua kajian kes telah dipilih untuk diteliti dengan lebih terperinci bagi mendalami budaya perantauan orang Melayu terutama di Kerian, Perak dan juga perantauan orang Melayu Kedayan di Kepulauan Borneo. Hasil dari penulisan ini, dipastikan bahawa orang Melayu itu memang mempunyai sifat dan budaya suka merantau. Budaya orang Melayu yang sanggup berpindah ke tempat baharu untuk mencari kehidupan ini dapat menangkis tafsiran-tafsiran prejudis kepada orang Melayu terutama dalam penulisan orientalis dan penulisan kolonial yang menyifatkan masyarakat peribumi Melayu sebagai malas dan tidak mempunyai kemahuan untuk berubah.

Kata kunci: Budaya merantau, orang Melayu, Kerian, Perak, Kedayan, Borneo.

Abstract There are many writings which has emerged in the Malay historiography which allowed us to interpret the characteristics of the Malay people. Although this is the case, many historical writing focused heavily on the political and economic aspect of the Malay society. Cultural aspect and the Malay characteristics seldom been given a primary focus. This study aimed to bridge this gap by centering the aspect of merantau culture in the Malay society. This study used two methodologies. First, method of oral history was used in documenting individual record of merantau culture. Second, literature review was used to study merantau culture in details. The detail study will look into two cases, merantau culture in Kerian, Perak and merantau culture among the Kedayan Malays in the Borneo Island. This study found that merantau culture was indeed one of the significant characteristics of Malay society. It is a common theme that can be

found in Malay historical writing but not given adequate focus. This Malay characteristics also can be interpreted as the willingness of the Malay society to take risk and change their live for the better. This interpretation of Malay characteristics also can be used to refute the colonial and orientalist interpretation about the laziness of the Malay society.

Keywords: Merantau culture, Malay society, Kerian, Perak, Kedayan, Borneo.

PENDAHULUAN

Budaya merantau dalam kalangan orang Melayu merupakan satu fenomena yang tidak banyak diberikan perhatian dalam kalangan penulis dan pengkaji di Malaysia. Tinjauan kajian yang dilakukan mendapati, subjek ini mendapat perhatian yang lebih meluas dalam kalangan pengkaji di Indonesia. Oleh itu, satu penulisan khusus perlu dibuat bagi mengisi ruang ini. Penulisan ini diharap dapat menjadi satu eksplorasi awal kepada subjek ini dengan harapan satu kajian yang lebih menyeluruh dapat dilakukan selepas ini bagi mengupasnya dengan lebih mendalam. Kebanyakan kajian perihal orang Melayu biasanya tertumpu perihal isu-isu politik dan ekonomi. Hal ini demikian kerana isu-isu ini mempunyai lebih banyak sumber untuk disejarahkan seperti akhbar, majalah, dan dokumen kerajaan.¹ Isu politik pula banyak diangkat kerana dilihat sebagai isu yang mempunyai hubung kait antara masyarakat Melayu tradisional dan masyarakat moden Melayu.² Dengan melihat isu politik lalu, ahli sejarah berpandangan ia akan membantu kita memahami corak politik masa kini. Namun, kajian perihal budaya sebenarnya tidak kurang penting. Kajian budaya mungkin tidak mempunyai sumber akhbar dan dokumen rasmi yang banyak, namun dapat dibentuk melalui sumber-sumber lain seperti sejarah lisan. Sejarah lisan sebenarnya merupakan satu sumber yang penting terutama dalam kalangan masyarakat yang belum membudayakan amalan merekod kehidupan mereka melalui tulisan secara tersusun.³ Sejarah lisan juga dapat digunakan bagi merekodkan sudut-sudut subjektif masyarakat lalu seperti perasaan, sikap, pemikiran, dan persepsi.⁴ Penulisan ini akan cuba menggarap amalan merantau dalam kalangan orang Melayu menggunakan sumber lisan dan juga teks-teks kajian kontemporari dalam memberi satu gambaran perihal budaya merantau ini.

PERANTAUAN SEBAGAI SEJARAH YANG HIDUP

Muhammad Sidin bin Muhammad Saleh lahir di Bagan Datuk, Perak. Kemudian, beliau telah berhijrah bersama keluarganya ke Sumatera. Di Sumatera, beliau telah bertemu jodoh dan berkahwin dengan seorang wanita dari suku Cheniago bernama Halimah binti Muhit.⁵ Halimah sendiri lahir di Kuala Kangsar, Perak, namun merantau ke Sumatera untuk mengerjakan sawah

¹ A. Rahman Tang Abdullah dan Abdul Rashid Salleh. "Akhbar Melayu dan isu ekonomi masyarakat Melayu dekad 1930-an." *Jurnal Komunikasi Borneo (JKoB)* (2015).

² Roslina Abu Bakar dan Arba'ie Sujud. "World-View Dan Sistem Politik Masyarakat Melayu: Penelitian Terhadap Cerita Rakyat Melayu: World-View and Malay Community Political System: Research in Malay Folklore." *PENDETA* 4 (2013): 143-161.

³ Nadzan Haron. "Suatu pandangan awal terhadap sejarah lisan dalam konteks pengkajian sejarah Malaysia." *Jebat: Malaysia Journal of History, Politics and Strategic Studies* 9 (1979): 44-58.

⁴ Shaharil Talib. "Voices from the Kelantan Desa 1900-1940." *Modern Asian Studies* 17, no. 2 (1983): 177-95.

⁵ Sejarah Keluarga Siri 3: Suku Cheniago Dalam Kaum Kampar, 23 Februari 2020. Pautan: <https://www.youtube.com/watch?v=hcqiU3OJEGU&t=163s>

padi. Di Sumatera mereka tinggal di Kampar, lebih spesifik di Pekan Kuok, Bangkinang. Di sana, mereka dikurniakan tiga orang anak, salah seorang daripadanya adalah Hafsah yang lahir pada tahun 1947.⁶ Pada tahun 1949, dua tahun selepas kelahiran Hafsah, Muhammad Sidin sekeluarga berhijrah semula menaiki tongkang ke Singapura, dan dari Singapura mereka mengikuti jalan darat untuk kembali ke Perak.

Muhammad Sidin sebenarnya bukanlah satu-satunya keluarga yang berhijrah pada ketika itu. Terdapat ramai keluarga dari Sumatera yang menaiki tongkang bersamanya. Ada yang kemudiannya menetap di Sungai Besar, Sungai Nipah dan di Parit Tengah, Perak. Muhammad Sidin kemudian menetap di Parit Tengah, Bagan Datuk, Perak dan bekerja mengusahakan tanaman kelapa. Anaknya Hafsah yang lahir di Kampar, Sumatera mampu bertutur dalam bahasa Kampar, namun kerana mereka kemudiannya menetap di Parit Tengah yang majoritinya didiami oleh penduduk berbangsa Banjar, Hafsah juga kemudiannya boleh berbahasa Banjar. Namun, ibu dan ayahnya kekal berbahasa Kampar sahaja dan tidak mampu bertutur dalam bahasa Banjar.⁷ Hafsah kemudiannya telah berkahwin dengan Mohamed Noh bin Jaafar, seorang yang berketurunan Banjar yang telah lama menetap di Perak.

Perbahasan ini dimulakan dengan menukilkan kisah perantauan Muhammad Sidin bin Saleh bagi menunjukkan bahawa budaya perantauan orang Melayu dalam lipatan sejarah itu mempunyai manusia-manusia sebenar. Perspektif awalan ini diharapkan dapat membetulkan minda kita bahawa perbahasan sejarah itu bukan sekadar perbahasan akademik, ia bukan hanya bermain dengan teori sosial atau riadah akal sahaja. Namun ia mempunyai kisah-kisah manusia sebenar yang hidup pada satu ketika dahulu. Nukilan kisah perantauan ini adalah sebahagian dari sejarah lisan keluarga. Perkara seperti inilah yang membuatkan sejarah itu satu bidang yang menarik untuk dikaji, apabila ia mempunyai kaitan dengan keperibadian dan kekeluargaan. Menerusi sejarah lisan seperti ini, kajian sejarah boleh dikatakan sebagai satu kajian pencarian diri.

MERANTAU DALAM PERSURATAN SEJARAH

Budaya merantau merupakan satu tema yang selalu kita dapati dalam tulisan-tulisan persuratan di Alam Melayu. Contohnya dalam sejarah awal Pulau Pinang, penduduk awalnya merupakan golongan perantau dari Alam Minangkabau menurut Ahmad Murad Merican. Alam Minangkabau itu sendiri, menurut Ahmad Murad, merupakan subset kepada Alam Melayu yang lebih besar. Alam Melayu dalam sejarah terutamanya sebelum zaman penjajahan British hendaklah difahami sebagai satu batas geografi yang longgar, bukan melalui lensa sempadan negara bangsa pada hari ini. Hal ini dapat dilihat dalam penulisan Burhanuddin Al-Helmy misalnya yang menyatakan bahawa Alam Melayu itu merangkumi gugusan kepulauan yang besar merangkumi Indonesia, Filipina, Jepun, dan Formosa (Taiwan). Malah menurut Burhanuddin, daerah Alam Melayu itu meliputi gugusan pulau di Nicobar di Teluk Benggala dan pulau-pulau Solomon di Lautan Pasifik.⁸ Kepulauan-kepulauan ini dimasukkan ke dalam Alam Melayu kerana kawasannya yang

⁶ Wawancara Bersama Hafsah Sidin: Bahagian 1- Latar Belakang Ayah Ibu. 19 Julai 2020. Pautan: <https://www.youtube.com/watch?v=SWJTmgbGeiE&t=10s>

⁷ Sejarah Keluarga Siri 1: Migrasi Dari Kuok, Bangkinang ke Bagan Datuk, 23 Februari 2020. Pautan: <https://www.youtube.com/watch?v=vI5cQ2-a-L8&t=257s>

⁸ Burhanuddin Al-Helmy, *Falsafah Kebangsaan Melayu*. (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2024), hlm. 44, 56.

mengandung budaya yang sama di samping mempunyai keadaan geografi dan biodiversiti yang sama.

Terdapat banyak sebab mengapa orang-orang Melayu itu merantau menurut Ahmad Murad. Antaranya adalah untuk meningkatkan taraf kehidupan dan menaik taraf bakat.⁹ Orang Melayu merantau menggunakan pelbagai jenis kapal pada zaman dahulu untuk bergerak antara kepulauan-kepulauan Melayu yang ada. Aktiviti pelayaran ini memerlukan satu kemahiran yang tinggi dari sudut mengendali kapal dan navigasi. Kemahiran ini hanya boleh didapati apabila seseorang itu sanggup keluar dari kampungnya untuk merantau.

Punca lain bagi perantauan orang Melayu adalah disebabkan oleh konflik dan salah faham yang berlaku di kampung. Konflik ini berkemungkinan disebabkan perseteruan dengan penghulu, berkecil hati, atau pergaduhan perihal harta pusaka. Orang yang tidak berpuas hati ini akan merantau ke negeri lain atau membuka kampung baharu. Terdapat juga perantau yang merantau untuk membuktikan bahawa diri mereka mampu melakukan sesuatu yang bermakna, mereka akan mencari kehidupan di negeri lain dan akhirnya pulang semula apabila sudah berjaya. Merantau juga boleh jadi disebabkan faktor ekonomi, seperti kisah Muhammad Sidin bin Muhammad Saleh di bahagian pendahuluan, yang mana telah merantau ke Sumatera untuk mencari kehidupan dan peluang ekonomi, dan kemudian pulang semula ke Tanah Melayu.

Menurut Ahmad Murad, konsep 'rantau' atau 'merantau' ini merupakan satu konsep yang sangat akrab dengan orang Minangkabau. Menurut beliau lagi, merantau itu mempunyai beberapa bentuk. Pertama, di mana perantau itu akhirnya pulang ke tempat asalnya. Kedua, perantau itu akhirnya menetap di destinasi perantauannya, merantau seperti ini dikenali sebagai *rantau larat*. Ketiga, perantau itu pergi dan balik antara dua tempat yang mana kedua-duanya merupakan kampungnya.¹⁰

MERANTAU: TEORI, DEFINISI, MAKNA, DAN ISTILAH

Antara teori sosial yang digunakan dalam mengkaji aspek perubahan masyarakat adalah pendekatan yang menekankan aspek struktur dan fungsi masyarakat seperti yang diperkenalkan oleh Talcot Parsons. Sistem masyarakat ini pada asasnya cuba menjaga keutuhan struktur dan fungsinya agar tidak berubah. Kestabilan struktur ini bergantung pada beberapa aspek seperti nilai, kepercayaan, hierarki sosial, dan juga adat istiadat.¹¹ Apabila berlaku perubahan dalam masyarakat yang menggugat kestabilan struktur atau fungsinya, hal ini memungkinkan berlakunya penghijrahan dan perantauan. Hal ini dapat dilihat dalam masyarakat Melayu, contohnya jika berlaku kekurangan tanah pertanian yang menggugat fungsi masyarakat untuk mendapat bekalan makanan yang mencukupi, sebahagian ahli masyarakat akan merantau bagi mewujudkan struktur yang baharu yang lebih stabil.

⁹ Ahmad Murad Merican, *The Avatar of 1786: Decolonizing the Penang Story*. (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2023), hlm. 64.

¹⁰ *Ibid.*, hlm. 60-64.

¹¹ Muhammad Ihwanus Sholik, Fahrur Rosyid, Khusnul Mufa'idah, Tri Agustina, and Ulfiona Rizki Ashari. "Merantau sebagai budaya (eksplorasi sistem sosial masyarakat Pulau Bawean)." *Cakrawala* 10, no. 2 (2016): 143-153.

Dalam mengkaji sejarah lampau orang Melayu, antara tema yang dikaji oleh ahli sejarah adalah perpindahan penduduk, penghijrahan, migrasi, dan perantauan. Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif misalnya, telah mengkaji dengan terperinci penghijrahan penduduk di Kerian, Perak dan kesannya terhadap aktiviti pertanian di sana. Menurut beliau, penghijrahan merupakan aktiviti yang merupakan satu warisan sosial bagi orang Melayu, ia dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti politik, sosial, dan ekonomi.¹² Beliau juga telah mendalami definisi, makna, dan istilah bagi apa yang dikatakan sebagai merantau dalam konteks fahaman orang Melayu.

Dalam mendefinisikan merantau, Siti Noor Hafizah telah membawakan pandangan Mochtar Naim yang menyatakan bahawa merantau itu mempunyai definisi tersendiri yang berbeza dengan aktiviti penghijrahan umum. Menurut Mochtar, merantau mestilah menepati enam ciri utama iaitu berhijrah meninggalkan kampung halaman, perpindahan berdasarkan kemahuan sendiri, berkelana dalam tempoh yang lama atau singkat, bertujuan mencari pendapatan, ilmu, atau pengalaman, mempunyai niat untuk pulang ke kampung asal, dan akhir sekali ia melambangkan budaya masyarakat.

Dari sudut istilah, perkataan 'merantau' itu lazimnya digunakan oleh kaum Minangkabau di Sumatera dan telah diterima dan digunakan oleh orang Melayu berkurun lamanya bagi menggambarkan pergerakan manusia untuk mencari kebebasan. Selain istilah merantau, orang Melayu juga menggunakan pelbagai istilah lain yang merujuk kepada makna yang sama, istilah ini berbeza menurut latar etnik dan kaum. Dalam kalangan kaum Jawa misalnya, mereka menggunakan istilah *minggat* yang memberi maksud lari meninggalkan sebuah tempat. Orang Bugis pula menggunakan istilah *malakke dapureng* yang bermaksud berhijrah bagi mempertahankan nilai sosial. Orang Bugis juga menggunakan istilah *sompe* yang bermaksud berlayar, *sompe* ini membawa konotasi penghijrahan untuk mencari kehidupan yang lebih baik dan berniat untuk pulang semula ke kampung pada satu masa nanti.¹³ Selain itu, merantau juga dikenali dalam kalangan masyarakat Melayu dengan pelbagai istilah lain termasuk berhijrah, berpindah, mengembara, dan berkelana, yang membawa maksud yang sama. Kepelbagaian istilah ini menunjukkan bahawa budaya merantau ini sememangnya sinonim dengan budaya orang Melayu sehingga bahasa mereka sendiri kaya dengan istilah yang merujuk kepada bentuk budaya yang sama.

Kajian yang dilakukan oleh Siti Noor Hafizah merupakan kajian yang menarik kerana beliau turut mengupas penghijrahan orang Banjar ke Kerian, Perak untuk mengusahakan tanaman padi.¹⁴ Hal ini dapat menjelaskan kewujudan komuniti Banjar di Perak, juga dapat menerangkan keberadaan orang Banjar seperti Mohamed Noh bin Jaafar dalam kisah yang dinukilkan di awal tulisan ini. Di sini, kita dapat melihat bagaimana penulisan sejarah sebenarnya boleh digunakan dalam memberi penerangan kepada asal usul dan sejarah keluarga setempat.

Merantau juga boleh didefinisikan sebagai sebuah budaya. Ia menjadi satu budaya yang sehati dengan orang Melayu, antaranya disebabkan Alam Melayu itu sendiri yang terdiri dari ribuan pulau-pulau, dan orang Melayu telah sekian lama merantau antara pulau-pulau ini. Merantau juga dikatakan sebagai sebuah budaya kerana ia adalah aktiviti yang diwariskan kepada

¹² Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. *Menjawab Mitos Melayu Malas: Kajian Kes Penghijrahan Masyarakat Melayu ke Kerian, Perak, 1816-1947*. (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2024), hlm. 8.

¹³ *Ibid.*, hlm. 10-12.

¹⁴ *Ibid.*, hlm. 17.

generasi seterusnya. Proses mewariskan ini turut dikatakan sebagai satu pembudayaan, di mana generasi dahulu belajar bagaimana generasi sebelumnya merantau dan kemudian timbul dalam diri generasi baharu keinginan dan keberanian untuk merantau juga.¹⁵

PERANTAUAN SEBAGAI PENOLAKAN TERHADAP MITOS MELAYU MALAS

Pentadbir kolonial British sering menyatakan bahawa orang-orang Melayu ini bersifat malas. Pernyataan ini ditulis apabila British mahu memberikan alasan mudah terutamanya kepada kegagalan polisi ekonomi mereka. Kegagalan pentadbir British menyelesaikan masalah kemiskinan orang Melayu, kemunduran, dan kehilangan tanah dijustifikasikan dengan sikap malas orang Melayu. Hal ini dapat dilihat dari penulisan pentadbir kolonial seperti N.W. Barritt, E. Bateson, dan W. Grantham.¹⁶ Namun, bagaimana bangsa yang dikatakan malas itu sanggup merantau dan berhijrah untuk mencari peluang ekonomi yang lebih baik? Budaya merantau orang Melayu itu sendiri sudah menunjukkan bahawa mereka berani mengambil risiko dan berusaha meningkatkan taraf kehidupan.

Dalam merungkai mitos Melayu malas, Siti Noor Hafizah ada meninjau kumpulan esei-esei pelajar yang dikumpul dan diterbitkan oleh Paul H. Kratoska pada tahun 1982. Esei-esei ini merupakan kumpulan sejarah lisan yang telah dikumpulkan.¹⁷ Perkara ini merupakan perkara penting yang perlu diulang dan dilakukan pada hari ini. Pada hari ini, setiap semester, pelajar diminta untuk menghasilkan esei ilmiah, namun kemudian esei tersebut disimpan dan dilupakan setelah selesai pengajian. Perkara ini merupakan satu kerugian yang sangat besar. Seharusnya ada satu usaha dilakukan bersama antara universiti, pensyarah, dan pelajar untuk mengumpul dan membukukan tulisan ilmiah ini. Ia kemudian dapat dirujuk dan dibaca oleh orang lain, dan ilmu itu akan berkembang dengan lebih pesat. Pelajar juga dapat melihat esei-esei lepas, belajar darinya, dan cuba menghasilkan esei yang lebih baik disamping meneroka perspektif-perspektif baharu.

Masyarakat Melayu telah berinteraksi dengan masyarakat luar dalam sejarahnya sejak sekian lama. Malah, mereka telah berinteraksi dengan masyarakat luar sebelum kedatangan orang Eropah ke Tanah Melayu. Tanah Melayu telah dikunjungi oleh pelbagai bangsa luar seperti orang India, Arab, Parsi, dan Cina. Interaksi ini telah berlaku dengan baik. Namun, kedatangan orang Eropah membawa interaksi yang berbeza. Ia telah mencetuskan suasana tegang apabila kuasa Eropah mula mahu menguasai orang Melayu dan sumber bumi mereka. Daripada interaksi dengan masyarakat Eropah inilah sifat orang Melayu ditakrifkan sebagai malas melalui penulisan dan ilmu-ilmu kolonial.¹⁸ Oleh itu, kajian perihal sifat dan budaya orang Melayu ini sebenarnya sangat penting. Ia dapat dijadikan asas kepada penolakan mitos Melayu malas yang digagaskan oleh ilmu kolonial.

PERANTAUAN ORANG MELAYU KE KERIAN, PERAK

¹⁵ Muhammad Ihwanus Sholik, Fahrur Rosyid, Khusnul Mufa'idah, Tri Agustina, and Ulfiona Rizki Ashari. "Merantau sebagai budaya (eksplorasi sistem sosial masyarakat Pulau Bawean)."

¹⁶ Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. *Menjawab Mitos Melayu Malas*, hlm. 2.

¹⁷ *Ibid.*, hlm. 14-15.

¹⁸ Rahimin Affandi Abd Rahim dan Siti Maimunah Binti Kahal. "Ilmu kolonial dan Islamisasi alam Melayu: analisis kritikal." *SEJARAH: Journal of the Department of History* 26, no. 1 (June) (2017).

Selain faktor-faktor yang telah dinyatakan di atas, orang-orang Melayu juga berhijrah dan merantau atas faktor politik. Orang Melayu di Kedah misalnya, sering kali merantau ke luar disebabkan konflik yang berlaku antara Kedah dan Siam. Penaklukan Siam ke atas Kedah menyaksikan orang Melayu berhijrah keluar pada dekad kedua dan kelima pada abad ke-19. Selepas itu, faktor ekonomi dilihat oleh Siti Noor Hafizah sebagai pendorong penghijrahan orang Melayu ke Kerian. Sebagai contoh mereka yang menetap di Pulau Pinang dan Seberang Perai telah bergerak ke Kerian kerana kekurangan tanah subur untuk pertanian di sana.¹⁹ Kesan dari perpindahan ini masih boleh kita lihat pada hari ini apabila kebanyakan orang Perak di bahagian utara bertutur dalam loghat Kedah.

Orang Melayu di Pulau Pinang itu sendiri sebenarnya merupakan golongan perantau. Menurut tulisan ahli sejarah seperti Mahani Musa, orang Melayu di sudah menetap di Pulau Pinang sejak sebelum kedatangan Francis Light lagi. Orang-orang Melayu yang diketuai oleh Nakhoda Kechil dipercayai merupakan orang Melayu yang merantau dari Sumatera. Menurut Mahani, orang-orang Melayu di Sumatera yang berketurunan Minangkabau dan berketurunan Aceh memang terkenal dengan sifat suka merantau bagi mencari rezeki dan berniaga.²⁰

Antara peristiwa penting yang terjadi di Tanah Melayu pada abad ke-19 adalah Perjanjian Pangkor. Perjanjian pada tahun 1874 ini merupakan peristiwa yang menandakan permulaan penjajahan British secara langsung di Tanah Melayu. Walaupun British menyatakan bahawa tugas residen British di Tanah Melayu adalah untuk ‘menasihati’ sultan Melayu. Hakikatnya, peranan residen lebih kepada pentadbir berbanding penasihat.²¹ Perjanjian Pangkor juga merupakan perangkap kepada pembesar Melayu untuk membuka pintu bagi British untuk campur tangan secara langsung di negeri-negeri Melayu.²² Pendudukan British di Tanah Melayu melalui pentadbiran secara langsung tidak mengubah tabiat merantau orang Melayu, pendudukan British hanya membantu dan menyusun aktiviti perantauan dan penghijrahan ini bagi menjayakan projek-projek ekonomi British.

Mengapa tema perantauan dalam persuratan sejarah orang Melayu begitu banyak didapati? Hal ini demikian kerana orang Melayu mudah untuk berhijrah dan merantau kerana pada ketika itu tidak ada undang-undang tanah yang *rigid* seperti yang diperkenalkan oleh British. Oleh itu, mereka dengan mudah dapat berpindah dan menduduki kawasan tanah baharu. Sistem pemilikan tanah ini ada dihuraikan oleh Siti Noor Hafizah. Menurut beliau, dalam sistem pemilikan tanah tradisional orang Melayu, tanah itu dimiliki apabila ia diusahakan. Jika tanah itu ditinggalkan dan tidak diusahakan, ia boleh diambil oleh orang lain. Pemilikan juga tidak melibatkan apa-apa dokumen bertulis dan hanya memerlukan perakuan lisan.²³ Sistem yang terbuka ini menyebabkan orang Melayu mudah merantau kerana mereka tahu mereka boleh mengusahakan dan menduduki tanah di tempat baharu.

¹⁹ Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. *Menjawab Mitos Melayu Malas*, hlm. 16.

²⁰ Mahani Musa, “Sejarah Awal: Pulau Pinang Sebelum 1786,” dalam *Sejarah Awal Pulau Pinang*, disunting oleh Muhammad Haji Salleh, 19-39. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2008, hlm. 24.

²¹ *Ibid.*, hlm. 68.

²² Siti Zalikah Md Nor. "Perangkap Perjanjian Pangkor." *KANUN: Jurnal Undang-Undang Malaysia* 23, no. 2 (2011): 267-285.

²³ Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. *Menjawab Mitos Melayu Malas*, hlm. 70.

Antara aspek tradisional orang Melayu yang turut dibahaskan oleh Siti Noor Hafizah adalah sistem kerah. Sistem ini agak kontroversi dalam kalangan tafsiran sarjana. Golongan sarjana yang mengatakan masyarakat Melayu tradisional bersifat feodal sering menggunakan justifikasi sistem kerah ini sebagai sistem yang menindas rakyat. Ada juga sarjana yang menyatakan sistem ini tidak sama dengan sistem penindasan di Eropah. Misalnya; Azmi Arifin dalam mengkritik idea feudalisme Syed Hussein Alatas menyatakan ajakan berkerah sering disambut rakyat dengan senang hati. Mereka beramai-ramai seperti bergotong-royong dan berpesta bersama-sama mendirikan masjid dan istana.²⁴ Menurut Siti Noor Hafizah, sistem ini boleh disalah guna oleh pembesar dalam menjayakan projek awam atau peribadi. Beliau memetik misalnya akhbar di Singapura yang pernah mengkritik Tunku Ibrahim di Kedah kerana menggunakan sistem kerah untuk kepentingan diri. Penyalahgunaan sistem kerah juga pernah berlaku semasa pemerintahan Sultan Tajuddin Mukarram Shah III di mana penduduk menuntut eksploitasi sistem kerah dikurangkan atau mereka akan berpindah ke Seberang Perai.²⁵ Di sini kita melihat, orang Melayu mudah berpindah sekiranya terdapat polisi yang tidak mereka sukai, mereka akan pergi merantau ke tempat lain.

Antara projek baharu yang diperkenalkan oleh British adalah Rancangan Pengairan Kerian pada 1906. Rancangan ini dilakukan dirangka bagi mewujudkan sistem saliran yang lebih baik bagi penanaman padi. Rancangan ini telah menarik orang-orang Melayu dari kepulauan Indonesia untuk merantau ke Kerian bagi mengambil peluang ekonomi hasil dari projek ini. Masyarakat Jawa, Banjar, dan masyarakat dari Sumatera mula masuk ke Perak pada masa ini atas faktor ekonomi.²⁶ Rancangan ini telah menyaksikan peningkatan mendadak penduduk Melayu dari kepulauan Indonesia di Kerian.²⁷

Namun, harus ditekankan bahawa kedatangan orang Melayu dari kepulauan Indonesia seperti orang Minangkabau, Jawa, dan Banjar ini bukan satu perkara yang baharu. Ia telah dilihat berlaku sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka kerana budaya orang Melayu yang suka merantau. Dasar British hanya menggalakkan budaya ini dengan galakan ekonomi, galakan British menyaksikan orang Melayu dari Banjarmasin, Kalimantan semakin signifikan di Kerian. Mereka yang datang pada mulanya juga tidak dibeza-bezakan. Malah, sebelum tahun 1921, rekod banci British juga tidak mengklasifikasikan masyarakat yang datang dari Sumatera sebagai penghijrah, mereka dianggap sebagai orang Melayu biasa sahaja.²⁸ Bancian yang dibuat pada tahun 1931 di Kerian, Perak mendapati, orang Banjar merupakan masyarakat kedua terbanyak selepas orang Melayu dengan peratusan sebanyak 34.3 peratus.²⁹ Kerian menjadi pilihan destinasi perantauan orang Banjar kerana mereka juga menjadikan tanaman padi sebagai kegiatan sosioekonomi utama mereka.³⁰ Perkara ini menunjukkan bahawa jumlah populasi perantau di Tanah Melayu sememangnya sangat signifikan. Mereka kemudian berasimilasi dan menjadi sebahagian daripada penduduk tempatan.

²⁴ Azmi Arifin. "Syed Hussein Alatas: Pemikiran Kolonial dan Gagasan 'Feudalisme Melayu'." *Akademika* 82, no. 1 (2012): 21-30, hlm. 28.

²⁵ Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. *Menjawab Mitos Melayu Malas*, hlm. 92.

²⁶ *Ibid.*, hlm. 111.

²⁷ *Ibid.*, hlm. 118.

²⁸ *Ibid.*, hlm. 122-123.

²⁹ *Ibid.*, hlm. 141.

³⁰ *Ibid.*, hlm. 144.

Selain peluang ekonomi yang diwujudkan di Tanah Melayu, orang Melayu di kepulauan Indonesia juga merantau keluar disebabkan kekurangan dan ketiadaan tanah di tempat mereka untuk diusahakan bagi aktiviti pertanian. Sistem pewarisan tanah di kepulauan Indonesia juga menyebabkan tanah-tanah pertanian semakin mengecil apabila ia dibahagi-bahagikan kepada generasi-generasi seterusnya.³¹ Etnik Banjar merupakan etnik terbesar yang didapati merantau meninggalkan Kepulauan Indonesia.³² Pentadbiran Hindia Belanda yang menguasai kepulauan Indonesia juga ada melaksanakan dasar Transmigrasi, dasar ini dilakukan dalam dua fasa. Fasa pertama pada tahun 1905-1931 dan fasa kedua pada tahun 1932-1941. Dasar ini dilakukan bagi mengurangkan kepadatan penduduk di Kepulauan Jawa dan membangunkan kawasan lain yang kurang penduduknya.³³ Ada juga pandangan yang mengatakan bahawa dasar Transmigrasi Hindia Belanda ini sebenarnya dilakukan bagi membanteras gerakan sosial yang mengancam kuasa pemerintahan kolonial Hindia Belanda.³⁴ Apa pun faktor dan alasan yang dikemukakan, baik oleh pemerintah kolonial British atau Hindia Belanda, kita melihat sebenarnya orang Melayu itu memang budayanya berani merantau. Menurut Siti Noor Hafizah, budaya ini merupakan tradisi masyarakat yang sudah sebatian dengan orang Melayu berkurun-kurun lamanya.³⁵

Jumlah populasi yang meningkat dengan cepat di kepulauan Indonesia dan jumlah tanah pertanian yang semakin mengecil membuatkan ramai masyarakat Melayu pada awal kurun ke-20 merantau ke Semenanjung Tanah Melayu bagi meneruskan kehidupan mereka.³⁶ Kebanyakan daripada mereka akhirnya terus menetap di Semenanjung Tanah Melayu.

Polisi British mewujudkan peluang ekonomi bukanlah disebabkan mereka sedar akan budaya merantau dalam kalangan orang Melayu itu dan mahu menggalakkan budaya tersebut. Namun, hal ini dilakukan bagi memastikan pentadbiran kolonial mendapat keuntungan ekonomi. Projek pengairan di Kerian misalnya, akhirnya dikenakan caj oleh British. Kenaikan kos dari caj ini ditambah dengan bayaran-bayaran lain yang dikenakan British atas pemilikan tanah menyebabkan petani Melayu semakin tersepit dengan kemiskinan. Malah, ada dalam kalangan orang Melayu yang tanah mereka akhirnya diambil dan dilelong.³⁷ British juga tidak membenarkan petani Melayu untuk menanam tanaman lain yang lebih menguntungkan seperti getah kerana mahukan bekalan makanan di Tanah Melayu mencukupi.³⁸ British gagal melihat kegagalan polisi-polisi mereka ini, sebaliknya menyalahkan orang Melayu yang dikatakan malas dan berpakat untuk menggagalkan rancangan British supaya mereka dapat menanam getah atau kelapa yang lebih menguntungkan.³⁹

³¹ *Ibid.*, hlm. 124-125.

³² *Ibid.*, hlm. 127.

³³ *Ibid.*, hlm. 128.

³⁴ M. Halwi Dahlan. "Perpindahan penduduk dalam tiga masa: kolonisasi, kokumingsakari, dan transmigrasi di Provinsi Lampung (1905-1979)." *Patanjala: Journal of Historical and Cultural Research* 6, no. 3 (2014): 335-348, hlm. 337.

³⁵ Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. *Menjawab Mitos Melayu Malas*, hlm. 130.

³⁶ *Ibid.*, hlm. 132.

³⁷ *Ibid.*, hlm. 164-165.

³⁸ *Ibid.*, hlm. 177.

³⁹ Antara yang menyatakan orang Melayu malas adalah W. Grantham. Lihat Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. *Menjawab Mitos Melayu Malas*, hlm. 180.

Apabila orang Melayu menghadapi kesukaran disebabkan caj dan cukai yang dikenakan oleh British, mereka mula meminjam wang daripada ceti. Apabila situasi ini semakin meruncing, British tidak bertindak memberi bantuan, sebaliknya British pula yang memberi pinjaman kepada orang Melayu. Dalam kata lain, British pula yang menjadi ceti. Namun, disebabkan syarat mendapatkan pinjaman yang lebih mudah, orang Melayu masih melakukan pinjaman daripada ceti biasa berbanding ceti British walaupun terpaksa membayar bunga yang lebih tinggi.⁴⁰ Selain menjadi ceti, British juga bertindak menggazetkan tanah-tanah orang Melayu sebagai tanah simpanan orang Melayu untuk memastikan ia tidak jatuh ke tangan orang bukan Melayu.⁴¹ Daripada sejarah di Kerian ini, kita melihat sebenarnya orang Melayu itu tidaklah malas, mereka sanggup merantau dan meninggalkan kampung halaman untuk mencari peluang ekonomi di tempat lain. Apabila berada di tempat baharu, mereka cuba untuk menaik taraf keadaan mereka, namun polisi-polisi British terutamanya dalam menyekat tanaman yang lebih menguntungkan menyebabkan mereka kekal miskin. Oleh itu, menurut Siti Noor Hafizah, label British kepada orang Melayu sebagai satu bangsa yang malas adalah satu justifikasi dangkal dalam menutup kelemahan polisi-polisi mereka.⁴²

PENGIJRAHAN ORANG MELAYU KEDAYAN KE KEPULAUAN BORNEO

Dalam lipatan sejarah, penghijrahan orang Melayu bukan sahaja dapat dilihat di Semenanjung Tanah Melayu, budaya merantau juga dapat dilihat dalam penghijrahan orang Melayu ke Kepulauan Borneo. Perkara ini misalnya dapat dilihat dalam kajian perihal asal usul orang Melayu Kedayan di Brunei, Sabah, dan Sarawak. Orang Kedayan merupakan salah satu daripada tujuh suku yang diakui di Brunei. Dari segi bahasa, pertuturan mereka berbeza dari dialek orang Melayu Brunei, namun mereka tetap dianggap sebagai sebahagian daripada suku Melayu kerana mereka beragama Islam.⁴³

Terdapat empat pandangan tentang asal usul orang Kedayan di Borneo. Pendapat yang mendapat perhatian yang paling meluas adalah mereka adalah masyarakat perantau yang berasal dari Jawa. Menurut beberapa catatan, mereka pada asalnya adalah golongan petani yang menanam padi di Jawa dan kemudian dibawa masuk ke Brunei oleh Sultan Bolkiah (1485-1524) bagi memajukan kawasan pertanian di Brunei. Pandangan kedua mengutarakan bahawa orang Kedayan itu merantau dari Banjarmasin, mereka telah belayar ke Brunei bagi tujuan perdagangan. Pandangan juga dikuatkan berdasarkan persamaan antara bahasa Kedayan dan bahasa Banjar di mana didapati kedua-dua bahasa ini mempunyai persamaan sekitar 30 peratus. Pandangan ketiga pula menyatakan bahasa orang Kedayan itu merantau dari Kutai Kerta Negara iaitu sebuah kerajaan tua Indonesia di Kalimantan. Pandangan keempat pula menyatakan bahawa orang Kedayan itu bukanlah golongan perantau, sebaliknya mereka memang merupakan masyarakat asal di Brunei.⁴⁴ Dari analisis perihal asal usul orang Melayu Kedayan ini, kita mendapati majoriti dari pendapat yang ada menyatakan mereka pada asalnya merupakan golongan perantau, di sini kita mendapati

⁴⁰ *Ibid.*, hlm. 192.

⁴¹ *Ibid.*, hlm. 194.

⁴² *Ibid.*, hlm. 208.

⁴³ Ernie Zahdina Haji Md Seruddin. "Pantang Larang Suku Kedayan Di Brunei: Analisis Berdasarkan Teori Pragmatik Dan Etnografi Pertuturan (The Kedayans' Prohibitions at Maternal Process: A Relevant and Ethnography of Speech Analysis)." *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 3, No. 1 (2019).

⁴⁴ Ros Aiza Mohd Mokhtar dan Abd Hakim Mohad. "Dinamika Hijrah Masyarakat Kedayan." *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS)* (2017), hlm. 44-47.

bahawa budaya merantau itu memang kuat tertanam dalam fikiran orang Melayu sehingga ketika menghuraikan asal usul mereka, teori-teori perantauan merupakan teori yang paling banyak difikirkan dan dirasakan lebih munasabah. Hal ini bukanlah bermakna mereka bukan berakar dari tanah yang mereka duduki, tetapi menunjukkan bahawa orang Melayu itu sememangnya mempunyai budaya merantau yang kuat terutama di sekitar pulau-pulau yang wujud di Alam Melayu.

Seperti apa yang kita lihat dalam kes penghijrahan orang Melayu di Kerian, Perak, orang Melayu bukan sahaja merantau antara pulau-pulau yang wujud dalam Alam Melayu, mereka juga merantau melalui laluan darat seperti dari Kedah ke Perak. Pekara sama berlaku dalam kalangan orang Kedayan di Borneo, mereka juga berhijrah dan berpindah ke kawasan lain di sekitar kepulauan Borneo. Pada akhir abad ke-17 dan awal abad ke-18, mereka telah merantau dan membuat penempatan di Sabah dan Sarawak. Antara kawasan-kawasan yang signifikan di Sabah di mana penempatan orang Kedayan boleh didapati adalah seperti di Sipitang, Beaufort, Kuala Penyu, dan Papar.⁴⁵

Hal yang menarik ialah apabila penelitian dibuat perihal mengapa orang Kedayan keluar dari Brunei menetap di kawasan-kawasan lain di Sabah dan Sarawak, ia dikaitkan dengan tradisi masyarakat Kedayan yang suka berpindah-randah dalam waktu yang singkat. Dalam kata lain, faktor terkuat yang diberikan adalah sikap merantau itu memang merupakan budaya masyarakat Kedayan. Faktor ini juga dikaitkan dengan bentuk kegiatan ekonomi orang Kedayan itu sendiri di mana mereka mengamalkan sistem pertanian berpindah-randah. Golongan petani sememangnya akan berhijrah untuk mencari kawasan yang lebih subur. Amalan pertanian pindah ini turut diamalkan oleh kaum lain di Kepulauan Borneo seperti kaum Dayak. Hal ini dapat dilihat dalam catatan sejarah seperti yang ditulis oleh Ooi Keat Gin. Menurut beliau, apabila Sarawak jatuh ke tangan pemerintahan Brooke, amalan pertanian pindah ini tidak lagi digalakkan. Polisi pertanian tetap telah diperkenal dan digalakkan.⁴⁶ Selain itu, antara faktor lain yang menggerakkan orang Kedayan untuk keluar dari Brunei termasuklah faktor politik seperti perang dan pemberontakan.⁴⁷

KESIMPULAN

Apabila kita meneliti persuratan sejarah orang Melayu, kita akan mendapati bahawa tema perantauan merupakan tema yang seringkali akan muncul. Hal ini demikian kerana budaya merantau itu sememangnya sudah sebatu dalam kalangan masyarakat Melayu. Orang Melayu bukan sahaja merantau dari pulau ke pulau di Alam Melayu tetapi mereka juga berhijrah dan berpindah melalui jalan darat bagi mencari kehidupan yang lebih baik. Dari beberapa kajian kes yang ditinjau dalam penulisan ini terutamanya di Kerian, Perak dan di Kepulauan Borneo, dapatlah kita pastikan bahawa budaya merantau itu sememangnya wujud dalam kalangan orang Melayu, malah dapat dilihat persamaan dalam bentuk-bentuk perantauan mereka. Orang-orang Melayu juga dilihat merantau disebabkan beberapa faktor yang sama seperti mencari peluang ekonomi yang lebih baik dan juga atas faktor konflik politik dan peperangan. Orang Melayu juga mudah merantau

⁴⁵ *Ibid.*, hlm. 47.

⁴⁶ Ooi Keat Gin. *Of Free Trade and Native Interests: The Brookes and the Economic Development of Sarawak, 1841-1941*. (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1997), hlm. 40.

⁴⁷ *Ibid.*, hlm. 48-49.

dalam lipatan sejarah kerana sistem pemilikan tanah tradisional mereka yang mudah membolehkan populasi Melayu mendirikan penempatan baharu di destinasi perantauan mereka. Sikap mereka yang berani merantau juga dengan mudah dapat mematahkan hujah dan tuduhan yang mengatakan bahawa orang Melayu itu malas dan tidak mahu mengubah nasib kehidupan mereka. Kesimpulannya, orang Melayu itu bolehlah dikatakan sebagai sebuah bangsa perantau.

RUJUKAN

- A. Rahman Tang Abdullah, & Abdul Rashid Salleh. (2015). Akhbar Melayu dan isu ekonomi masyarakat Melayu dekad 1930-an. *Jurnal Komunikasi Borneo (JKoB)*, 1-12.
- Ahmad Murad Merican. (2024). *The Avatar of 1786: Decolonizing the Penang story*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Azmi Arifin. (2012). Syed Hussein Alatas: Pemikiran kolonial dan gagasan 'feudalisme Melayu'. *Akademika*, 82(1), 21-30.
- Burhanuddin Al-Helmy. (2024). *Falsafah Kebangsaan Melayu*. Persatuan Sejarah Malaysia.
- Ernie Zahdina Haji Md Seruddin. (2019). Pantang larang suku Kedayan di Brunei: Analisis berdasarkan Teori Pragmatik dan etnografi pertuturan (The Kedayans' prohibitions at maternal process: A relevant and ethnography of speech analysis). *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 3, (1).
- M. Halwi Dahlan. (2014). Perpindahan penduduk dalam tiga masa: Kolonisasi, kokuminggkari, dan transmigrasi di Provinsi Lampung (1905-1979). *Patanjala: Journal of Historical and Cultural Research* 6 (3), 335-348.
- Mahani Musa. (2008). Sejarah awal: Pulau Pinang sebelum 1786. In Muhammad Haji Salleh (ed.), *Sejarah awal Pulau Pinang* (pp. 19-39). Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Ihwanus Sholik, Fahrur Rosyid, Khusnul Mufa'idah, Tri Agustina, & Ulfiona Rizki Ashari. (2016). Merantau sebagai budaya (eksplorasi sistem sosial masyarakat Pulau Bawean). *Cakrawala*, 10 (2), 143-153.
- Nadzan Haron. (1979). Suatu pandangan awal terhadap sejarah lisan dalam konteks pengkajian sejarah Malaysia. *Jebat: Malaysia Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 9, 44-58.
- Ooi Keat Gin. (1997). *Of free trade and native interests: The Brookes and the economic development of Sarawak, 1841-1941*. Oxford University Press.
- Rahimin Affandi Abd Rahim, & Siti Maimunah Binti Kahal. (2017). Ilmu kolonial dan Islamisasi Alam Melayu: Analisis kritikal. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 26 (1), 33-49.

- Ros Aiza Mohd Mokhtar, & Abd Hakim Mohad. (2017). Dinamika hijrah masyarakat Kedayan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS)*.
- Roslina Abu Bakar, & Arba'ie Sujud. (2013). World-view dan sistem politik masyarakat Melayu: Penelitian terhadap cerita rakyat Melayu: World-view and Malay community political system: Research in Malay Folklore. *PENDETA - Jurnal Bahasa dan Sastra Melayu*, 4 , 143-161.
- Shaharil Talib. (1983). Voices from the Kelantan Desa 1900-1940. *Modern Asian Studies*, 17 (2), 2, 177–195.
- Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. (2024). *Menjawab mitos Melayu malas: Kajian kes penghijrahan masyarakat Melayu ke Kerian, Perak, 1816 – 1947*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Siti Zalikhah Md Nor. (2011). Perangkap Perjanjian Pangkor. *KANUN: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 23 (2), 267-285.

FUNDING

This research received no external funding.

CONFLICT OF INTEREST

The authors declare no conflict of interest.

BIOGRAPHY

SYED AHMAD FATHI is a Post-Graduate Student at Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. His area of study is Southeast Asian History.